



JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Ia bertanggungjawab mendaftar peristiwa-peristiwa penting setiap individu seperti maklumat kelahiran, kematian, pengangkatan, perkahwinan dan perceraian. Di samping itu, JPN juga bertanggungjawab dalam menentukan taraf kewarganegaraan dan seterusnya mengeluarkan dokumen identiti individu dalam bentuk kad pengenalan kepada mereka yang layak.

JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

ISI KANDUNGAN :

1

KELAHIRAN



2

KAD
PENGENALAN



3

PERKAHWINAN



4

KEMATIAN





KELAHIRAN

KELAHIRAN

PENERANGAN PEMOHON

Pemohonan pendaftaran kelahiran biasa bermaksud setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia hendaklah didaftarkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh kelahiran kanak-kanak tersebut

SYARAT PERMOHONAN

Pemohonan pendaftaran kanak-kanak boleh dibuat oleh individu berikut:

1. Ibu atau bapa kanak-kanak;
2. Penjaga kanak-kanak yang sah;
3. Individu yang mengetahui tentang kelahiran kanak-kanak.
4. Ibu dan bapa kanak-kanak (Bagi pendaftaran anak tak sah taraf)

DOKUMEN

Dokumen kanak-kanak seperti pengesahan kelahiran dan buku rawatan mengandungi.

Dokumen ibu dan bapa seperti kad pengenalan, sijil perkahwinan, sijil kematian ibu bapa (jika berkenaan).

Dokumen pemaklum seperti kad pengenalan

BAYARAN

Tiada bayaran dikenakan


▶ CONTOH-CONTOH DOKUMEN (SALINAN & ASLI)




KAD PENGENALAN



SIJIL PERKAHWINAN



PENGESAHAN KELAHIRAN



BUKU RAWATAN

The page features two large, stylized geometric shapes on the left and right sides. The left shape is a large triangle pointing right, composed of a red upper section and a dark grey lower section, with a white border. The right shape is a large triangle pointing left, composed of a dark grey upper section and a red lower section, also with a white border. The text is centered between these two shapes.

KAD PENGENALAN



PENGENALAN

Dokumen pengenalan merupakan sejenis dokumen yang digunakan untuk memastikan identiti pembawanya. Berbeza dengan dokumen lain, tugas dokumen pengenalan ini adalah cuma untuk menyatakan identiti pembawanya. Jika dalam bentuk kad kecil, ia dipanggil kad pengenalan (KP)

KANAK-KANAK
12 TAHUN

GANTIAN
ROSAK

GANTIAN
HILANG



KANAK-KANAK 12 TAHUN

Mengikut Peraturan 3, Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2007) setiap kanak-kanak yang telah mencapai umur 12 tahun dan bertaraf Warganegara wajib mendaftar untuk mendapatkan Kad Pengenalannya.

Syarat Permohonan:

1. Pemohon mestilah telah berumur genap 12 tahun tetapi belum mencapai umur 16 tahun.
2. Pemohon mestilah hadir bersama Penganjur contoh, ibubapa atau penjaga
3. Borang permohonan JPN.KP01 (dapatkan di kaunter JPN) diisi dengan lengkap
4. Pemohon mestilah membuat permohonan dalam tempoh 30 hari dari tarikh genap umur 12 tahun. Jika tidak, bayaran akan dikenakan
5. Sekiranya penganjur adalah selain daripada kategori di atas perlu mengemukakan surat akuan berkanun dan surat pengesahan penjagaan pemohon dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) hendaklah dibawa bersama

KANAK-KANAK
12 TAHUN

GANTIAN
ROSAK

GANTIAN
HILANG



GANTIAN ROSAK

Mengikut Peraturan 13, Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990(Pindaan 2007) setiap orang yang kad pengenalannya rosak atau musnah hendaklah dengan segera memohon kad pengenalan gantian.

Syarat permohonan:

1. Pemohon mestilah hadir di mana-mana kaunter JPN; atau
2. Memohon gantian kad pengenalan hilang secara atas talian seperti berikut:
 - Portal www.jpn.gov.my melalui aplikasi “Sistem Gantian MyKad”; atau
 - Perkhidmatan Phone-in di talian 03-88808066 (bagi permohonan yang tidak melibatkan pertukaran gambar atau maklumat untuk pemohon yang bertaraf Warganegara.)

Pemohon dikehendaki datang ke Kaunter JPN dan membawa dokumen yang perlu dikemukakan (asal)



Dokumen yang diperlukan:

Dokumen Pemohon (Asal)	Dokumen Sokongan
<p>Kad Pengenalan pemohon yang rosak semasa permohonan dibuat di kaunter; atau semasa pengambilan Kad Pengenalan baru bagi urusan permohonan melalui portal atau telefon.</p>	<p>Bagi pertukaran alamat, perlu mengemukakan Bil elektrik /bil air / bil pembentungan / bil utiliti / cukai pintu / cukai taksiran / borang taksiran cukai pendapatan/ perjanjian jual beli rumah/ perjanjian atau resit sewa rumah / dokumen sokongan dari Penghulu/ Ketua Kampung/ Tuai Rumah / ADUN / Ahli Parlimen / Majikan/ Angkatan Tentera Malaysia (ATM) atau lain-lain dokumen seumpamanya. (ASAL ATAU SALINAN YANG DISAHKAN)</p>



Bayaran:

1. Warganegara : RM10.00
2. Bukan Warganegara : RM40.00
3. Permohonan gantian Kad Pengenalan rosak dalam tempoh 12 bulan dari tarikh serahan kad yang rosak tersebut adalah PERCUMA.
4. Bayaran permohonan gantian Kad Pengenalan rosak melalui laman web diterima melalui kredit sahaja.
5. Pengembalian wang tidak akan dipertimbangkan bagi permohonan gantian Kad Pengenalan rosak yang telah diproses oleh Bahagian Kad Pengenalan.

KANAK-KANAK
12 TAHUN

GANTIAN
ROSAK

GANTIAN
HILANG



GANTIAN HILANG

Mengikut Peraturan 13, Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990(Pindaan 2007) setiap orang yang hilang kad pengenalannya hendaklah dengan segera memohon kad pengenalan gantian.

Syarat permohonan:

1. Pemohon mestilah hadir dimana-mana kaunter JPN; atau
2. Memohon gantian kad pengenalan hilang secara atas talian di laman web (www.jpn.gov.my) melalui aplikasi “Sistem Gantian MyKad” bagi permohonan yang tidak melibatkan pertukaran gambar atau maklumat pemohon yang bertaraf Warganegara.

TINDAKAN

1. Pemohon perlu hadir ke mana-mana pejabat JPN yang berhampiran untuk permohonan gantian hilang kad pengenalan.
2. Perlu mengemukakan laporan polis sama ada bagi kes kehilangan kad pengenalan akibat jenayah (bagi kehilangan kali pertama dan seterusnya) ataupun akibat kecuaiian (diwajibkan bagi kes kehilangan kali kedua dan seterusnya). Laporan polis perlu menyatakan dengan jelas butir-butir kejadian serta menyebut butir-butir Kad Pengenalan yang hilang.

Jadual Pembayaran 4A: Bayaran Hilang bagi MyKad atau MyTentera Sahaja

Kehilangan	Bayaran Permohonan (RM)	Bayaran Proses (RM)	Jumlah Bayaran (RM)
Kali Pertama	10.00	100.00	110.00
Kali Kedua	10.00	300.00	310.00
Kali Ketiga dan seterusnya	10.00	1,000.00	1,010.00

Makluman:

Bagi permohonan melalui aplikasi “Sistem Gantian MyKad” di portal JPN bayaran hanya menggunakan kad kredit sahaja.

The image features a central text element flanked by two large, stylized geometric shapes. The shape on the left is composed of red and dark grey diagonal stripes forming a triangular pattern. The shape on the right is composed of dark grey and red diagonal stripes forming a mirrored triangular pattern. The background is a light grey color.

PERKAHWINAN



PENDAFTARAN PERKAHWINAN DI MALAYSIA

SYARAT-SYARAT
PEMOHON

DOKUMEN YANG
PERLU
DIKEMUKAKAN

DOKUMEN YANG
DIPERLUKAN

NOTA

BAYARAN

BORANG



PENDAFTARAN PERKAHWINAN DI MALAYSIA

SYARAT-SYARAT PEMOHON

- Perkahwinan Tanpa Lesen adalah permohonan di mana pemohon lelaki atau perempuan yang berumur genap 21 tahun ke atas. Pemohon adalah berstatus Bujang / Duda / Janda / Balu. Pemohon perlulah secara sukarela untuk mendaftarkan perkahwinan.
- Pemohon dikehendaki hadir ke kaunter Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) atau di Pejabat Perwakilan Malaysia di Luar Negara untuk mengemukakan permohonan pendaftaran perkahwinan.
- Pemohon perlu mengemukakan permohonan pendaftaran perkahwinan di kaunter Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mengikut daerah berdasarkan alamat yang tercatat di dalam MyKad.
- Pastikan pemohon telah memperolehi surat Pengesahan Taraf Perkahwinan untuk kegunaan di dalam negara bagi tujuan perkahwinan di antara pasangan warganegara Malaysia bersama pasangan bukan warganegara Malaysia (Keputusan Semakan Surat Akuan Bujang Luar Negara) dari JPN Ibu Pejabat Putrajaya atau JPN Ibu Negeri sebelum mengemukakan permohonan pendaftaran perkahwinan di daerah berkenaan.
- Bagi pemohon yang mengemukakan borang permohonan pendaftaran perkahwinan di Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara, permohonan akan dihantar ke pejabat JPN mengikut daerah alamat di dalam Mykad untuk dipamerkan selama 21 hari dan tidak melebihi 3 bulan.
- Pengupacaraan perkahwinan akan dilaksanakan selepas tamat 21 hari dan tidak lebih daripada tempoh 6 bulan daripada tarikh permohonan diterima. Bagi permohonan yang telah tamat tempoh 6 bulan perlu mengemukakan permohonan semula.
- Tempat permohonan adalah berdasarkan kepada daerah alamat yang tercatat dalam MyKad manakala tempat pengupacaraan perkahwinan pemohon boleh memilih di mana-mana Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara yang dikehendaki.

PENDAFTARAN PERKAHWINAN DI MALAYSIA

DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN

Pemegang MyKad / MyPR / MyKAS

1. Borang JPN.KC02
2. Satu (1) keping gambar berwarna berukuran pasport (latar belakang biru atau putih)
3. MyKad
4. Surat Kebenaran Berkahwin bagi:

Anggota Polis

- i) Surat Pengesahan Kebenaran Berkahwin (Asal dan salinan) atau;
- ii) Lampiran A (HRMIS) lengkap ditandatangani oleh Pegawai Atasan.

Anggota Tentera

- i) Surat Pengesahan Kebenaran Berkahwin (Asal dan salinan) dari tempat bertugas.

5. Akuan berkanun sekiranya perlu.
6. Dekri Nisi Mutlak / sijil perceraian jika status belum dikemaskini.
7. Sijil kematian pasangan terdahulu jika berkaitan sekiranya status belum dikemaskini
8. Sijil Lahir ASAL dan Salinan (MyPR dan MyKAS)



PENDAFTARAN PERKAHWINAN DI MALAYSIA

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

1. Kad pengenalan pasangan.
2. Sijil kursus perkahwinan.
3. Borang permohonan kebenaran berkahwin.
4. Dokumen sokongan seperti sijil cerai atau sijil kematian pasangan terdahulu jika berkaitan.



PENDAFTARAN PERKAHWINAN DI MALAYSIA

NOTA

1. Semua dokumen yang bukan di dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris perlu diterjemahkan oleh penterjemah bertauliah.
2. Terjemahan yang dilakukan di Mahkamah Malaysia, Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia (ITBM) atau penterjemah bertauliah di Malaysia adalah diterima. Bagi terjemahan yang dibuat di Kedutaan atau oleh penterjemah yang bertauliah di luar negara perlu disahkan oleh Kedutaan tersebut dan disahkan semula oleh Kementerian Luar Negeri (Wisma Putra).



PENDAFTARAN PERKAHWINAN DI MALAYSIA

BAYARAN

RM10.00 – Perakuan Perkahwinan


Rm20.00 – Pendaftaran Perkahwinan



PENDAFTARAN PERKAHWINAN DI MALAYSIA

BORANG

Borang yang terdapat di dalam portal hanya untuk panduan. Borang boleh didapatkan di kaunter JPN berdekatan

The image features a central text element flanked by two large, stylized geometric shapes. The shape on the left is composed of red and dark grey diagonal stripes forming a triangular pattern. The shape on the right is composed of dark grey and red diagonal stripes forming a mirrored triangular pattern. The central text is in a red, serif font.

KEMATIAN



PENDAFTARAN BIASA KEMATIAN

PENERANGAN PEMOHON

Pemohonan pendaftaran kematian biasa bermaksud setiap kematian yang berlaku di Sarawak hendaklah didaftarkan dalam tempoh 24 jam dari waktu kematian.

Permohonan pendaftaran kematian boleh dibuat oleh individu berikut:

1. Waris kepada si mati
2. Individu yang mengetahui tentang kematian.

SYARAT PERMOHONAN

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

1. Borang III dan Borang XI diisi dengan lengkap;
2. Pengesahan Ketua Masyarakat atau Ketua Kaum si mati;
3. Laporan polis bagi kematian yang berlaku di rumah (asal dan salinan);
4. Medical Certificate of The Cause of Death (Borang VIII);
5. After Post-Mortem (Borang IX);
6. Kad Pengenalan atau Permit Masuk atau Pasport pemaklum (asal dan salinan);
7. Kad Pengenalan atau dokumen pengenalan diri si mati. Jika tiada/hilang laporan polis hendaklah disertakan.

Borang dapatkan di kaunter
JPN

BORANG




PENDAFTARAN LEWAT KEMATIAN

PENERANGAN PEMOHON

Pemohon daftar lewat kematian adalah kematian yang berlaku di Sarawak dan Pemaklum melaporkan kematian selepas tujuh (7) hari berikutnya dari tarikh kematian.

DOKUMEN DIPERLUKAN

1. Borang III dan Borang XI;
2. Pengesahan Ketua Masyarakat atau Ketua Kaum bagi Sarawak;
3. Borang VIII (Medical Certificate of the Cause of Death);
4. Borang IX (After Post-Mortem);
5. Kad Pengenalan atau dokumen pengenalan diri pemaklum (asal dan salinan);
6. Dokumen Pengenalan Diri si mati;
7. Laporan Polis jika kad pengenalan atau Sijil atau Cabutan Daftar Kelahiran Si mati tidak diserahkan.



BAYARAN

Bayaran proses RM10.00.

BORANG

1. Borang III and Borang XI
2. (dapatkan di kaunter JPN) telah diisi dengan lengkap.



SEKIAN
TERIMA KASIH

